
Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. a) "Pengurusan Projek ialah pengurusan penyumbang-penyumbang terhadap sesuatu projek yang asal daripada firma-firma berbeza kecuali di dalam keadaan yang melibatkan sumbangan keseluruhan 'in-house' sesuatu klien itu sendiri".

- A. Walker. "Project Management in Construction", Granada, 1984.

Bincangkan ungkapan di atas dengan kaitan terhadap peranan pengurus projek dan para perunding profesional yang lain serta sarankan suatu struktur organisasi projek yang sesuai untuk sebuah syarikat yang tersenarai seperti MBF Holdings Bhd. yang berkecimpung di dalam industri binaan.

- b) Bincangkan pendekatan yang harus diambil apabila membuat saranan tentang struktur pasukan projek untuk badan-badan seperti berikut:

- i) Agensi Kerajaan seperti UDA dan
ii) Syarikat Hartanah yang tersenarai seperti I & P Bhd.

(25 markah)

2. a) Bincangkan dan terangkan secara perbandingan tentang fungsi-fungsi am pengurusan projek di antara pendapat yang diutarakan oleh Halpin dan Woodhead di dalam buku mereka "Construction Management" (Wiley, 1980) dan pendapat Dr. Anthony Walker di dalam bukunya "Project Management in Construction" (Granada, 1984).

...2/-

- b) "Belanjawan, kos sebenar yang dikenakan serta kemajuan yang diperolehi bersabit dengan kos tersebut kesemuanya mempunyai kesan yang besar di dalam kejayaan pengawalan kewangan sesuatu projek".

Bincangkan ulasan di atas dan terangkan bagaimana 'Analisis Pencapaian' (Achievement Analysis) yang kerap dikendalikan boleh digunakan oleh Pengurus Projek untuk memastikan sasaran keuntungan yang asal dapat dicapai.

(25 markah)

3. a) Borang-borang Standard Kontrak Bangunan yang sedang digunakan di Malaysia bersesuaian kepada keadaan-keadaan konvensional tetapi berkemungkinan kurang sesuai di dalam keadaan yang lebih terkini dan inovatif yang melibatkan konsep-konsep pengurusan pembinaan atau pengurusan projek.

Komen.

- b) Secara ringkas, huraikan tentang kegiatan-kegiatan pengurusan yang dikendalikan oleh seorang Pengurus Projek di tahap-tahap perbincangan (briefing), reka-bentuk (design), pembinaan (construction) dan pengendalian (commissioning) di dalam sesuatu projek binaan bangunan.

(25 markah)

4. a) Apakah objektif-objektif tawaran dari pandangan;

- i) Klien?
ii) Kontraktor?

- b) i) Dari pandangan kontraktor, tunjukkan (dalam bentuk carta aliran) peringkat-peringkat proses tawaran bersaing.

- ii) Kenalpasti mengikut keutamaan, 3 peringkat utama dan huraikan dengan ringkas peringkat-peringkat tersebut.

- c) Berikan kelas-kelas kos utama yang menjadikan kos dan harga kontrak.

(25 markah)

...3/-

5. a) Bincangkan tujuan utama kawalan dari sudut pengurusan.
b) Apakah hubungan antara perancangan dan kawalan?
c) Apakah ciri-ciri dan kesukaran-kesukaran utama dalam melaksanakan mana-mana sistem kawalan yang berkesan bagi projek-projek binaan?

(25 markah)

6. a) Berikan sebab-sebab kenapa klien tidak puas hati dengan kaedah tradisional untuk menjalankan kerja-kerja projek binaan dan kenapa mereka lebih berminat dalam kaedah baru.
b) Bagaimanakah kaedah tradisional boleh diperbaiki lebih-lebih lagi dalam memendekkan jangkamasa reka-bentuk dan pembinaan?
c) Huraikan salah satu daripada 3 alternatif kaedah "procurement", serta berikan kelebihan-kelebihan dan kekurangan-kekurangan kaedah tersebut untuk jenis-jenis klien dan kerja-kerja binaan yang berbeza.

(25 markah)

oooOoooo